## TERMS AND CONDITIONS FOR AUTO DEBIT FOR PAYMENT OF TAKAFUL CONTRIBUTIONS / TERMA DAN SYARAT AUTO DEBIT UNTUK PEMBAYARAN CARUMAN TAKAFUL

**Terms & Conditions**

In consideration of the agreement from SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD, including its subsidiary SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD ("the Company") to accept my Family Takaful Contribution via Auto Debit where the Bank/Financial Institution will debit my Current / Savings / Giro / Wadiah Account, I agree to be bound by the following terms and conditions / *Di atas persetujuan SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD, termasuk anak syarikatnya SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD ("Syarikat") untuk menerima Caruman Takaful Keluarga saya melalui Auto Debit di mana Bank/Institusi Kewangan akan mendebitkan terus ke akaun Semasa / Simpanan / Giro / Wadiah, saya bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat berikut:*

1. I hereby authorise the Bank/Financial Institution / *Saya dengan ini membenarkan Bank / Institusi Kewangan:-*

    a. To debit my account upon the Bank/Financial Institution's receipt of the billing from the Company. The available fund does not take into account advances against cheque facility granted to the customer. / *Untuk mendebitkan akaun saya apabila Bank/Institusi Kewangan menerima arahan bil daripada Syarikat. Dana yang sedia ada tidak mengambil kira sebarang bayaran pendahuluan ke atas sebarang kemudahan cek yang diberikan kepada pelanggan.*

    b. To furnish my account number and other information to the Company so that the instructions may be effected and I understand that changes to any information therein will require submission of a new Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form;/ *Memberi nombor akaun saya dan maklumat lain kepada Syarikat bagi membolehkan arahan* dikuatkuasakan *dan saya memahami bahawa perubahan kepada mana-mana maklumat memerlukan penyerahan Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit yang baharu ;*

    c. To debit my account for any charges that the Bank/Financial Institution may impose in effecting each transfer pursuant to the instructions specified in the Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form and/ *Membuat potongan daripada akaun saya untuk sebarang bayaran yang dikenakan oleh Bank/Institusi Kewangan bagi menguatkuasakan setiap transaksi seperti yang diarahkan di dalam Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit ; dan*

    d. Should the certificate holder be someone other than myself, the Bank/Financial Institution shall not be required to enquire whether the certificate holder's name in the Company's record is the same as that stated by me in the Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form. / *Sekiranya pemegang sijil adalah orang lain selain daripada diri saya sendiri, Bank/Institusi Kewangan tidak perlu membuat pertanyaan sama ada nama pemegang sijil dalam rekod Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh saya di dalam pada Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit .*

2. Only applicable to Individual Savings /Current / Giro / Wadiah Account. Not applicable to other types of accounts such as (not limited to) Company / Joint accounts etc. / *Hanya boleh digunakan untuk Akaun Simpanan Individu / Semasa / Giro / Wadiah. Tidak boleh digunakan untuk lain-lain jenis akaun seperti (tidak terhad kepada) Akaun Syarikat / Bersama dan lain-lain.*

**TERMS AND CONDITIONS FOR AUTO DEBIT FOR PAYMENT OF TAKAFUL CONTRIBUTIONS / TERMA DAN SYARAT AUTO DEBIT UNTUK PEMBAYARAN CARUMAN TAKAFUL**

3. The details provided in the Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form in particular, the name, MyKad No., Old IC /Police/Army ID No. and signature; must be the same as those maintained in the Bank/Financial Institution's current record. / *Butir-butir yang diberikan dalam Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit khususnya nama, No MyKad., Kad Pengenalan Lama / Polis / Tentera dan tandatangan; mestilah sama seperti yang terdapat dalam rekod semasa Bank/Institusi Kewangan.*

4. This authorisation and the consent given to the Bank/Financial Institution in this form shall continue notwithstanding where my account to be debited is an account opened by me on behalf of a minor. I agree that notwithstanding the minor attaining the age of 18 years, until such time a fresh instruction in relation to the Auto Debit is received by the Bank/Financial Institution, the existing instruction shall continue to subsist. / *Kuasa dan kebenaran yang diberikan kepada Bank /Institusi Kewangan dalam bentuk ini hendaklah berterusan walaupun akaun saya yang akan didebitkan adalah akaun yang dibuka oleh saya bagi pihak anak. Saya bersetuju bahawa walaupun anak itu mencapai umur 18 tahun, sehingga arahan baru berhubung dengan Perkhidmatan Auto Debit diterima oleh Bank/Institusi Kewangan, arahan yang sedia ada hendaklah terus wujud.*

5. In the event a debit cannot be successfully processed /debited on a particular deduction date, I hereby authorize the Bank to make a reattempt to debit the contribution/ installment from my account on the subsequent deduction date(s); subject to a claim from the payee. / *Jika berlaku keadaan di mana urusan debit gagal diproses/didebit pada tarikh potongan tertentu,saya dengan ini membenarkan pihak Bank untuk cuba mendebitkan semula caruman/ansuran tersebut dari akaun saya pada tarikh potongan seterusnya; tertakluk pada tuntutan dari pembayar.*

6. I will ensure that sufficient funds are kept in my account to facilitate the automatic processing of all payments. Should the funds be insufficient or the instruction amounts exceed the limit specified in my Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form to the Bank/Financial Institution, the payments shall be rejected by the Bank/Financial Institution and I am responsible to pay the contribution directly to the Company. In this respect, I hereby authorise the Bank/Financial Institution to release the reason(s) or grounds of the rejection of any payment to the Company. I further consent to such disclosure and declare that the Bank/Financial Institution shall be under no liability for disclosing such information. Notwithstanding the above, the Company is authorised to give any instruction to the Bank/Financial Institution as it deems necessary to effect the payments. / *Saya akan memastikan dana yang disimpan di dalam akaun saya mencukupi bagi memudahkan pemprosesan untuk semua pembayaran secara automatik. Jika dana tersebut tidak mencukupi atau amaun yang diarahkan untuk pembayaran melebihi had yang dinyatakan dalam Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit saya kepada Bank/Institusi Kewangan, bayaran tersebut akan ditolak oleh Bank/Institusi Kewangan dan saya akan bertanggungjawab untuk membayar terus kepada Syarikat. Sehubungan itu, saya memberi kebenaran kepada Bank/Institusi Kewangan untuk mendedahkan sebab atau alasan bagi penolakan sebarang pembayaran kepada Syarikat. Seterusnya, saya membenarkan pendedahan tersebut dan mengaku bahawa Bank/Institusi Kewangan tidak akan dipertanggungjawabkan kerana mendedahkan maklumat*

*berkenaan. Tidak tertakluk kepada perkara di atas, Syarikat diberi kebenaran untuk memberi sebarang arahan yang dikira sesuai kepada Bank/Institusi Kewangan untuk membuat pembayaran tersebut.*

7. I understand that my first payment through the Auto Debit service shall only commence upon receipt of the first debit instruction from the Company, subject to the application being accepted and approved by the Bank/Financial Institution and the Company. I may verify the content of my bills with the Company and that any irregularities should be settled between myself and the Company within 30 days from the first deduction date.
   Receipts will not be issued for contribution payments made through this Auto Debit facility. I will refer to my bank statements for confirmation of payments. /*Saya memahami bahawa bayaran pertama saya melalui khidmat Auto Debit akan bermula hanya selepas menerima arahan debit pertama daripada Syarikat, tertakluk kepada penerimaan dan kelulusan permohonan oleh Bank/Institusi Kewangan dan Syarikat. Saya boleh mengesahkan kandungan bil-bil saya dengan Syarikat dan sebarang kesilapan hendaklah diselesaikan di antara saya dan Syarikat dalam masa 30 hari dari tarikh potongan pertama.*
   *Resit tidak akan dikeluarkan untuk pembayaran Caruman yang dibuat melalui kemudahan Auto Debit ini. Saya akan merujuk kepada penyata bank saya untuk pengesahan pembayaran.*

8. I agree to absolve the Bank/Financial Institution from any liability whatsoever in respect of any error or omission pertaining to the payment of the said contribution. / *Saya bersetuju melepaskan Bank/Institusi Kewangan daripada sebarang kesilapan atau perkara yang tertinggal dalam pembayaran bi-bil berkenaan.*

9. I hereby agree to indemnify and to keep the Bank/Financial Institution indemnified against any claims, losses, damages, costs and expenses that the Bank/Financial Institution may incur arising from my authorisation to the Bank/Financial Institution to debit my account aforesaid or any error in such authorisation. This include but not limited to :- / *Saya dengan ini bersetuju membayar ganti rugi dan melindungi Bank/Institusi Kewangan terhadap sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung hasil dari kebenaran yang saya berikan kepada Bank/Institusi Kewangan untuk memotong akaun saya seperti yang tersebut atau sebarang kesilapan di dalam kebenaran tersebut. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:-*

   *a)* inaccurate information provided by me or the Company and other factors beyond the reasonable control of the Bank/Financial Institution. Under such circumstances, I shall seek recourse or resolve the payment directly with the Company. / *maklumat tidak tepat yang diberikan oleh saya atau Syarikat dan faktor-faktor lain di luar kawalan munasabah Institusi Bank / Kewangan. Dalam keadaan sedemikian, saya akan mencari jalan lain atau menyelesaikan pembayaran secara terus dengan Syarikat.*

   *b)* any errors or mistakes made by the Company. I further agree that any disputes or irregularities shall be dealt directly with the Company. / *sebarang kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh Syarikat. Saya juga bersetuju bahawa apa-apa pertikaian atau penyelewengan akan diuruskan secara terus dengan Syarikat.*

   *c)* any unsuccessful or non-execution of the Auto Debit instruction(s) due to insufficient funds in my account, malfunction of system, electrical failure or any other factors beyond the control of the Bank/Financial Institution. / *mana-mana arahan atau perlaksanaan Auto Debit yang tidak*

*berjaya disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi di dalam akaun saya, kerosakan akibat sistem elektrik terputus dan sebarang faktor lain yang di luar kawalan Bank/Institusi Kewangan.*

*d)* circumstances where the Bank/Financial Institution to executes or gives effect to the Auto Debit instruction(s) arising from any person giving the Auto Debit instructions(s) herein purportedly in my name or arising from the instructions given by the Company to the Bank/Financial Institution. / *keadaan di mana Bank/Institusi Kewangan melaksanakan atau menguat kuasakan arahan Auto Debit yang timbul daripada mana-mana orang yang memberi arahan Auto Debit di atas nama saya atau yang timbul daripada arahan yang diberikan oleh Syarikat kepada Bank/Institusi Kewangan.*

10. This authorisation shall continue to be in force until the account holder's records is being deleted or updated in the Auto Debit / Bank/Financial Institution system following revocation or alteration of the same by giving notice in writing to the Company. I further understand that the Company will advise the Bank/Financial Institution to delete or update the Auto Debit based on my instruction. The Bank/Financial Institution is entitled to refuse to make any debit upon notice of my death(s), bankruptcy, dissolution or winding-up. / *Kebenaran ini akan terus berkuat kuasa sehingga rekod pemegang akaun dipadamkan atau dikemaskinikan dari sistem Auto Debit / Bank/Institusi Kewangan dengan cara pembatalan atau pindaan melalui notis bertulis kepada Syarikat. Saya seterusnya memahami bahawa Syarikat akan memaklumkan kepada Bank/Institusi Kewangan untuk memadamkan atau mengemaskinikan Auto Debit tersebut berdasarkan arahan saya. Bank/Institusi Kewangan berhak untuk menolak sebarang pemotongan setelah menerima notis kematian, kemuflisan dan pembubaran ke atas diri saya.*

11. The Bank/Financial Institution may in its absolute discretion at any time without notice terminate this authorisation without assigning any reason therefore, and thereupon the Bank/Financial Institution shall be under no obligation to debit my account to make any further payment save for any of my antecedent obligation / liabilities hereunder and the Bank/Financial Institution shall not be held liable for any loss or damage which may be suffered by me or any other third party registered under the authorisation herein as a result of such action by the Bank/Financial Institution. / *Bank/Institusi Kewangan mungkin mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa tanpa notis menamatkan pemberian kuasa ini tanpa memberi sebarang sebab, dan seterusnya Bank/Institusi Kewangan tidak bertanggungjawab untuk mendebit akaun saya untuk membuat pembayaran seterusnya kecuali bagi sebarang kewajipan / liabiliti saya sebelumnya di bawah kebenaran ini dan Bank/Institusi Kewangan tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian dan gantirugi yang mungkin ditanggung oleh saya atas mana-mana pihak ketiga yang didaftarkan di bawah kebenaran ini disebabkan tindakan sedemikian oleh Bank/Institusi Kewangan.*

12. If my account is overdrawn, I shall, upon demand from the Bank/Financial Institution make good any amount overdrawn plus any fee thereon, which shall be calculated based on the Bank's current account overdraft fee rate. / *Sekiranya akaun saya telah terlebih keluar, saya, apabila dituntut oleh Bank/Institusi*

*Kewangan, akan memulangkan bayaran yang terlebih keluar berserta kadar faedah/kewangan yang dikira berdasarkan kadar semasa faedah/kewangan akaun overdraf.*

*13.* The Bank/Financial Institution and the Company reserves the right to change the terms and conditions set out herein at any time without prior notice to me. / *Bank/Institusi Kewangan dan Syarikat mempunyai hak untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis kepada saya*

14. The instructions given by this Credit/Debit Card Standing Instructions And Auto Debit Enrolment Form shall be subject to any arrangement now subsisting or which may hereafter subsist between me and the Bank/Financial Institution in relation to my account or any banking accommodation afforded to me. In the event of any conflict or discrepancy, the terms and conditions under this Auto Debit shall prevail to the extent of such conflict or discrepancy. */ Arahan yang diberikan di dalam Borang Arahan Tetap Kad Kredit / Debit Dan Pendaftaran Auto Debit ini adalah tertakluk kepada sebarang aturan yang berkuat kuasa pada masa ini atau akan datang di antara saya dan pihak Bank/Institusi Kewangan berkaitan dengan akaun saya atau mana-mana kemudahan perbankan yang diberikan kepada saya. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan, terma-terma dan syarat-syarat di bawah Auto Debit ini akan digunakan.*

15. I undertake to check all transaction entries and account balance in my account passbook or statement of account on a regular basis, and undertake to report to the Bank/Financial Institution as soon as reasonably practicable in the event any unauthorised transaction, error or discrepancy is detected. I confirm that if the Bank/Financial Institution does not receive any notification in writing from me of any errors or discrepancies as regards in the debit or credit entries in my account, then I shall be deemed to have accepted such entries made up to the date of the last entry in the statement or passbook as correct, final and conclusive. / *Saya bertanggungjawab untuk menyemak semua catatan urus niaga dan baki akaun dalam buku akaun atau penyata akaun saya secara tetap, dan berjanji untuk melaporkan kepada Bank/Institusi Kewangan dengan secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan sekiranya mana-mana transaksi yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan. Saya mengesahkan jika Bank/Institusi Kewangan tidak menerima sebarang notis secara bertulis daripada saya untuk sebarang kesilapan atau keraguan berkaitan hal debit atau kredit yang dimasukkan ke dalam akaun saya, maka saya akan menganggap telah menerima catatan dibuat sehingga tarikh catatan terakhir di dalam penyata atau buku simpanan sebagai betul, muktamad dan konklusif.*

16. To debit my account for any applicable service charge, maintenance fee or any other reasonable fees and charges imposed by the Bank/Financial Institution from time to time or such applicable taxes whether currently in force or to be implemented and chargeable by law, including but not limited to the Goods and Services Tax (GST), pursuant to the Auto Debit herein. / *Untuk mendebit akaun saya untuk sebarang caj perkhidmatan yang terpakai, yuran penyelenggaraan atau fi dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank/Institusi Kewangan dari semasa ke semasa atau cukai yang dikenakan sedemikian sama ada pada masa ia berkuat kuasa atau yang akan dilaksanakan dan boleh dikenakan oleh undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), selaras dengan Auto Debit di sini.*

17. In the event of a conflict of interpretation between the English version used and those translated into Bahasa Malaysia, the English version shall prevail. / *Sekiranya terdapat percanggahan interpretasi di antara versi Bahasa Inggeris yang digunakan dan terjemahan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.*